



## SIARAN AKHBAR

S.A. 2021/11/141 (HQ)

### TNB LEPASKAN 100% KEPENTINGAN DALAM TNB POWER DAHARKI LTD UNTUK MEMPERCEPATKAN PERTUMBUHAN TENAGA BOLEH BAHRU DI PASARAN TUMPUAN

**Tenaga Nasional Berhad (TNB)** telah berjaya menyelesaikan pelupusan 100% pegangan dalam anak syarikat milik penuhnya, TNB Power Daharki Ltd (TPD) (yang memiliki 100% pegangan dalam TNB Liberty Power Limited (LPL)) kepada AsiaPak Investments Limited (AsiaPak), sebuah syarikat pelaburan swasta yang berpangkalan di Pakistan dan Hong Kong, dengan pertimbangan sebanyak USD54.5 juta.

TPD ialah syarikat induk LPL yang memiliki dan mengendalikan loji janakuasa kitar padu turbin gas 235MW yang telah dimula tugas 20 tahun lalu pada 2001, dengan perjanjian pembelian tenaganya akan tamat pada September 2026. Janakuasa yang terletak di wilayah Sindh, Pakistan itu adalah satu daripada usaha niaga antarabangsa pertama TNB.

Penjualan TPD itu, sejurus selepas pelupusan debentur wajib tukar di India Ogos lalu, menandakan satu lagi langkah penting dalam strategi TNB untuk menyelaraskan portfolio antarabangsanya dengan mengutamakan pertumbuhan tenaga boleh baharu (RE) dalam pasaran fokus seperti United Kingdom, Eropah dan Asia Tenggara. Langkah ini adalah sejajar inisiatif TNB memanfaatkan pilihan pelupusan asetnya dalam pasaran bukan tumpuan dan menyalurkan semula hasil pelupusan bagi mengembangkan portfolio RE syarikat utiliti itu. Ini juga mengukuhkan peralihannya ke arah meluaskan dan mendalami inisiatif kelestarian bagi mempercepatkan pertumbuhan perniagaan antarabangsa RE yang seterusnya bertindak sebagai pemangkin dalam usaha TNB memacu laluan pembangunan teknologi hijau di Malaysia.

“Pelupusan TPD dan LPL menandakan satu daripada inisiatif perancangan strategik TNB untuk memberi tumpuan kepada pasaran pertumbuhannya sambil melaksanakan visi global terhadap Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG),” kata Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) TNB, Datuk Ir. Baharin Din. “Kami sudah mengumumkan Hala Tuju Kelestarian baru-baru ini, satu pelan tindakan dengan aspirasi mencapai pelepasan sifar bersih menjelang 2050. Hala tuju ini ditunjangi komitmen untuk mengurangkan 35% daripada intensiti pelepasan karbon serta 50% daripada kapasiti penjanaan arang batu menjelang 2035.

Baharin menyatakan bahawa urus niaga di tengah-tengah persekitaran ekonomi mencabar yang diburukkan oleh Covid-19 ini, membuktikan ketahanan dan keupayaan TNB mengekalkan nilai pelaburan syarikat. Di samping itu, ia juga membolehkan TNB melangkah

setapak lagi dalam peralihan menuju masa depan tenaga baru yang rendah karbon, selaras dengan Hala Tuju Kestarian dan keseluruhan wawasan ESG TNB.

Mengakui ilmu yang diperolehi melalui pengalaman pelaburan dan pelupusan kepentingan TPD serta LPL, beliau berkata, "Sepanjang proses itu, kami telah memperolehi pengalaman yang luas dan berharga dalam membangun dan mengendalikan aset baru di negara sedang membangun. Sesungguhnya, peluang menimba pengalaman di lapangan telah membantu kami membangunkan kepakaran dalaman, meningkatkan kefahaman mengenai selok-belok yang diperlukan bagi membangunkan dan mengendalikan aset belum dimajukan dalam persekitaran mencabar di pasaran asing. Kami berhasrat untuk memanfaatkan pengetahuan ini bagi pembangunan lapangan baru di pasaran yang menjadi fokus kami pada masa depan."

Shaheryar Chishty, Ketua Pegawai Eksekutif AsiaPak pula berkata, "Adalah satu keistimewaan untuk bekerjasama dengan TNB dalam transaksi ini. Matlamat bersama kami dalam menyelesaikan pelupusan ini memainkan peranan penting yang memastikan kejayaan urus niaga ini. Tambahan pula, kami yakin bahawa penyeliaan TNB terhadap LPL selama ini telah mengekalkan kualiti prestasi operasi LPL, sekali gus memberi manfaat kepada semua pihak berkepentingan."

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 30 November 2021, jam 6:00 petang**

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Norfadzilah Sha'ary (019-3369681) /  
Grace Tan (016-6626229) / Fazreen Eksan (019-3160401)  
atau emel kami: [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*



Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) TNB, Datuk Ir. Baharin Din